

03/02/2002

Pemuda puas hati Singapura bersedia runding isu air

BANDAR TENGGARA: Pergerakan Pemuda Umno berpuas hati kesediaan Singapura merundingkan isu air dengan negara ini yang sekali gus membuktikan hubungan persahabatan kedua-dua negara terus terjalin kukuh.

Sehubungan itu, Ketuanya, Datuk Hishammuddin Hussein, meminta Singapura memahami pendirian tegas negara ini berhubung isu air yang mahukan penetapan kadar baru segera diputuskan.

"Singapura perlu faham ketegasan negara ini kerana kadar harga air yang ditetapkan dulu sudah tidak sesuai lagi. Justeru, rundingan bagi penetapan kadar baru sewajarnya tidak dilengah-lengahkan lagi.

"Pemuda berharap satu penetapan harga air yang munasabah dapat diputuskan dan kemudian tidak perlu dihebohkan," katanya ketika ditemui selepas meraikan 280 bakal haji di Masjid An-Naim, Felda Bukit Tongkat/Belitong, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kesediaan Singapura berunding dengan Malaysia bagi menetapkan kadar baru penjualan air ke negara ini dan air mentah ke republik terbabit.

Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia, K Kesavapany dilaporkan berkata, Singapura kini hanya menunggu tarikh sesuai daripada Wisma Putra untuk berunding berkenaan penetapan harga baru itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum itu, dilaporkan berkata, kedua-dua pihak belum mencapai persetujuan mengenai harga baru air yang dibekalkan Malaysia sejak 1960-an.

Perdana Menteri berkata, Malaysia meminta harga berpatutan. Singapura menawarkan 45 sen bagi setiap 1,000 gelen air yang sekarang diperolehnya pada kadar cuma tiga sen di bawah dua perjanjian yang tamat pada 2011 dan 2061.

Singapura sekarang mengimport 350 juta gelen air mentah setiap hari dari Johor yang kemudian membeli balik setiap 37 juta gelen yang sudah dirawat pada harga 50 sen bagi setiap 1,000 gelen.

Ditanya sama ada isu air itu menjejaskan hubungan kedua-dua negara, Hishammuddin berkata, sebagai dua negara berjiran dan mempunyai pertalian rapat, beliau tidak fikir ia boleh berlaku.

Malah, beliau berkata, isu air itu tidak menjadi penghalang kepada kedua-dua negara untuk terus berunding bagi memperkukuhkan bidang lain termasuk soal mempertingkatkan hubungan dagangan dan sosial.

"Sebagai dua negara berjiran dan mempunyai pertalian rapat, isu semasa yang ditimbulkan tidak menjejaskan hubungan, sebaliknya ia adalah satu proses memperkukuhkan lagi persahabatan yang sudah lama terjalin," katanya.

(END)